

Siddhi: Pakatan pejuang Khmer capai kemenangan

KUALA LUMPUR, Sabtu — Pasukan Tentera Demokratik Kampuchea kini mula mencapai kemenangan dalam sengketanya dengan pasukan tentera Vietnam di Kampuchea, kata Menteri Luar Thal. Tan Sri Siddhi Savetsila, berkata di sini hari ini.

Mereka mengambil kesempatan di musim hujan ini untuk memaksa pasukan Vietnam berundur dari beberapa kawasan, katanya kepada para wartawan di Wisma Putra setelah menemui rakan sejawatnya dari Malaysia, Tan Sri Ghazali Shafie.

Tan Sri Siddhi, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kerja Asean, ke sini dalam lawatan tiga harinya untuk berunding dengan pemimpin-pemimpin Malaysia sebagai persediaan bagi mesyuarat dua hari para menteri dan mesyuarat dengan rakan dialog Asean pada 27 dan 28 Jun selepas mesyuarat para menteri itu.

Kedua-dua mesyuarat Menteri Asean yang akan diadakan mulai 24 Jun dan mesyuarat susulan pada 27 dan 28 Jun di Bangkok.

Ketika ditanya mengenai cadangan beliau untuk melawat Hanoi membincangkan masalah Kampuchea dengan para pemimpin Vietnam, Tan Sri Siddhi mengulangi syarat-syarat yang dikenakan-nya iaitu Hanoi mesti mengundurkannya 30 kilometer dari sempadan Thal.

Beliau berkata, beliau sedia berlepas ke Hanoi semasa mengadakan kempen bagi pilihanraya di Thal Encik Nguyen Co Thach.

Katanya, beliau akan memegang kukuh prinsip-prinsip Asean dalam perbincangan-perbincangan mengenai masalah Kampuchea dengan Vietnam.

Tan Sri Siddhi berkata, Asean mungkin meminta Encik Bill Hayden, Menteri Luar Australia, menyampaikan perutusan kepada para pemimpin Vietnam bila beliau melawat Hanoi setelah menghadiri mesyuarat dengan para pemimpin Asean di Bangkok. — Bernama.